

MAHATHIR-KONVENSYEN 'R' 'R' 'R' 'R'

1983

SYAH ALAM, 5 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA ORANG MELAYU BIASANYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH GOLONGAN TERTENTU YANG HENDAKWA KONONNYA DASAR EKONOMI BARU CUMA UNTUK MENGUNTUNGKAN +BEBERAPA KERAT+ MELAYU SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MEREKA HENDAKLAH BERWASPADA TERHADAP TEKNIK GOLONGAN ITU YANG TIDAK MEMPUNYAI HASRAT LAIN KECUALI UNTUK MENGGAGALKAN DASAR EKONOMI BARU.

+SEKARANG INI ADA MUSUH POLITIK KITA YANG MENIMBULKAN KERAGUAN TERHADAP DASAR EKONOMI BARU YANG MENURUT MEREKA KONONNYA MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA BEBERAPA KERAT MELAYU.+

+ORANG-ORANG INI MENUDUH KONONNYA ORANG-ORANG MELAYU YANG MENDAPAT MUNAFAAT DEB ADALAH KAWAN-KAWAN PERIMPIN UMNO KHUSUSNYA RAKAN-RAKAN SAYA,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO SELANGOR DI DEWAN BESAR ITH DI SINI.

BELIAU BIMBANG JIKA ORANG MELAYU TERTARIK DENGAN DAKWAAN ITU, SUDAH TENTU AKAN TIMBUL PERASAAN MARAH, IRI HATI DAN SYAK WASANGKA YANG KELAK AKAN MENJEJASKAN PERLAKSANAAN DASAR TERSEBUT. --LAGI MAHATHIR-KONVENSYEN 2 SYAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL KERANA KUMPULAN ITU SERING MELAUNGKAN UNGKAPAN SOSIALISME +ORANG KAYA BERTAMBAH KAYA DAN ORANG MISKIN BERTAMBAH MISKIN+ DALAM MEMPERKUATKAN TENTANGAN MEREKA TERHADAP DEB.

+PADA SAYA SOSIALISME INI TIDAK JAUH BERBEZA DARIPADA KOMUNIS- ME TETAPI MALANGNYA ADA ORANG MELAYU YANG TERTARIK DAN MENGANGGAP DAKYAH ITU BETUL.+

MENURUTNYA AKIBAT TERPENGARUH DENGAN TAKTIK PIKOLOGI YANG DIGUNAKAN ITU, SETENGAH ORANG MELAYU PULA MULALAH PERCAYA DAN MEMBUAT ANGGAPAN +PATUTLAH SI-POLAN DAN SI ANU ITU KAYA SEDANGKAN SAYA MASIH DI TAKUK INI JUGA.+

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN ORANG MELAYU JANGAN MEMBANGKITKAN SANGAT SOAL KAYA ATAU MISKIN KERANA INI BOLEH MENIMBULKAN PERASAAN MARAH DAN TIDAK PUAS HATI DIKALANGAN BANGSA SENDIR. -- LAGI 1402/OM

MAHATHIR - KONVENSYEN 3 SYAH ALAM

BELIAU SEDIH KERANA ORANG MELAYU MASIH MEMPUYAI SIKAP BILA BANGSANYA SENDIRI KAYA, MEREKA MULALAH MENGECEM TATAPI BILA KAUM LAIN KAYA, TIDAK ADA YANG MEMPERKATAKAN WALAU SEPATAH PERKATAAN PUN.

+KITA PATUT SEDAR TABIAT KITA ORANG MELAYU, KITA MUDAH SANGAT MENGUMPAT ORANG YANG BERNASIB LEBIH BAIK DARIPADA KITA.+

+KITA SEBALIKNYA PATUT MENYOAL ORANG YANG MEMBUAT DAKYAH ITU, SAMADA MEREKA KAYA DAN JIKA IA MENGATAKAN IA KAYA, MAKA MENGAPA CAKAP BEGITU... DAN JIKA IA KATA MISKIN, TANYAKAN SAMADA PELAJARAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN DIGUNAKAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA.+

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA DASAR EKONOMI BARU DAN SEMUA DASAR KERAJAAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH UNTUK MEMBERI KEBAIKAN DAN KEADILAN BAGI SEMUA PIHAK TANPA MENGIRA KAYA ATAU MISKIN.

TEGASNYA DASAR ITU ADALAH UNTUK MEMBERI TARAF PERSEIMBANGAN KEPADA ORANG MELAYU DENGAN KAUM LAIN DI NEGARA INI.

+JIKA ORANG LAIN KAYA, KITA JUGA HENDAKLAH MELAYU KAYA, JIKA KAUM LAIN MAJU DALAM PERNIAGAAN, KITA JUGA MAHU MELAYU TURUT MAJU DALAM BIDANG ITU... PENDEK KATA KITA MAHU ORANG MELAYU MEMPUYAI NISBAH SAMA DALAM APA JUA DENGAN KAUM LAIN,+ TAMBAH BELIAU. - LAGI 1431/OM

ZCZC B556:

MAHATHIR-KONVENSYEN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGAJAK ORANG MELAYU MEMIKIRKAN DENGAN RASIONAL JIKA SESEORANG BANGSA MELAYU ITU KAYA HASIL DEB, MEREKA PATUTNYA TIDAK IRIHATI KERANA TIDAK SALAH ORANG ITU KAYA SEBAB KAUM LAIN PUN KAYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN JIKA ORANG MELAYU YANG KAYA DIBERIKAN KONTRAK UMPAMANYA, MEREKA YANG MISKIN TIDAK PATUT MEMPERSOALKANNYA KERANA KERAJAAN BERPENDAPAT CUMA YANG KAYA DAPAT MENJALANKAN TUGAS YANG DIBERIKAN.

+JIKA KITA BERI KONTRAK MEMBINA KILANG BESAR UMPAMANYA KEPADA PEMANDU TEKSI, BELIAU SUDAH TENTU TIDAK DAPAT MENJAYAKANNYA DAN SUDAH TENTU AKAN TIMBUL AMALAN ALI BABA SETELAH DISURUH ORANG LAIN MEMBUATNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG MELAYU PATUT SEDAR BAHAWA MEREKA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG TELAH MERASAI SEDIKIT SEBANYAK NIKMAT DEB SEJAK DILAKSANAKAN.

+KALAU TIDAK DIRI KITA, ANAK KITA ATAU SAUDARA KITA TELAH MENIKMATI BIASISWA, KEMUDAHAN PELAJARAN, PERNIAGAAN SERTA KEMUDAHAN ASAS SEPERTI AIR, API DAN JALANRAYA HASIL DEB.+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1435/OM

ZCZC B557:

MAHATHIR-KONVENSYEN 5 SYAH ALAM

BELIAU BERHARAP ANGGOTA UMNO KHASNYA AKAN MENGGUNAKAN FORUM YANG DISEDIAKAN SEPERTI KONVENSYEN INI UNTUK MENGELUARKAN PANDANGAN DAN MENDAPATKAN PENJELASAN TENTANG SESUATU PROJEK ATAU DASAR KERAJAAN.

KATANYA, ADALAH TIDAK MENDATANGKAN KEUNTUNGAN JIKA MEREKA MEMBINCANGKAN DENGAN SESAMA SENDIRI YANG MEMPUYAI PANDANGAN SAMA SAHAJA ATAU DI KEDAI-KEDAI KOPI UNTUK MENGKRITIK DASAR KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT MELALUI PERBINCANGAN TERBUKA, SEMUA ANGGOTA DAPAT MENERIMA PENJELASAN MENGENAI SESUATU PERKARA DAN TIDAK TIMBUL SYAK WASANGKA ATAU KERAGUAN AKIBAT PANDANGAN BERAT SEBELAH JIKA PERBINCANGAN TERHAD KEPADA SEGOLONGAN SAHAJA. -- BERNAMA 1438/OM